

09 MAY 2002

SAPP-Penggiliran/I

SAPP AKAN KEMUKA CADANGAN SISTEM PENGGILIRAN KEPADA PM

KOTA KINABALU, 9 Mei (Bernama) -- Parti Maju Sabah (SAPP) akan mengemukakan cadangannya berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

Setiausaha Agungnya Richard Yong berkata parti itu akan menyampaikan pendapatnya bukan sahaja terhadap sistem penggiliran jawatan itu tetapi juga akan mengesyorkan satu formula baru untuk dibincangkan oleh parti-parti komponen BN negeri sebelum pilihan raya negeri akan datang.

"SAPP akan mengutuskan surat kepada Perdana Menteri mengenai hal penggiliran jawatan Ketua Menteri dan juga syor formula baru itu," kata beliau kepada pemberita di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata SAPP boleh mengemukakan cadangannya terhadap sistem penggiliran jawatan itu kepada BN di peringkat kebangsaan.

Dr Mahathir berkata sebagai parti terbesar di negeri itu, Umno, diberi keutamaan tetapi SAPP boleh mengemukakan cadangannya jika ia mahu mana-mana parti diberi jawatan itu.

Richard berkata SAPP juga akan mengutuskan surat rasmi kepada pengerusi BN negeri BN untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkannya.

"Kami berharap yang BN negeri akan bertemu kelak untuk membincangkan hal itu dan muncul dengan satu penyelesaian," katanya.

Pada Sabtu lepas, Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee mencadangkan yang BN Sabah harus mencontohi model perkongsian kuasa BN di Sarawak sebagai alternatif kepada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri sekarang ini.

Penggiliran itu diperkenalkan apabila BN mengambil alih tampuk pemerintahan Sabah pada Mac 1994. Ia bagi membolehkan pemimpin-pemimpin masyarakat Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam dilantik sebagai ketua Menteri dengan setiap Ketua Menteri itu memerintah selama dua tahun.

Dr Mahathir membuat sedikit perubahan kepada sistem itu tahun lepas semasa Datuk Chong Kah Kiat, yang mewakili masyarakat Cina dilantik ke jawatan itu.

Di bawah format baru itu, Umno akan memegang jawatan itu dua kali bagi setiap pusingan dan sebagai contoh, apabila tempoh Chong berakhir pada Mac depan, jawatan ketua menteri itu akan pergi kepada Umno dan baru selepas itu pula giliran Bumiputera bukan Islam, dan kemudian berbalik kepada Umno.

-- BERNAMA

NT PR